



# Kenyataan Akhbar

## Press Release

### PEMBUDAYAAN GAYA HIDUP HIJAU INDUSTRI FESYEN MELALUI AMALAN UPCYCLE JARINGAN FESYEN MGTC X HATTA DOLMAT

7 Mei 2021, Jumaat

**BANGI** – Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (MGTC) sebuah agensi dibawah Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah menganjurkan Majlis Pelancaran Jaringan Fesyen MGTC X HATTA DOLMAT yang lahir hasil daripada kolaborasi antara MGTC dengan pereka fesyen tempatan Hatta Dolmat yang merupakan pemegang Malaysia Book of Records sebagai Pereka Fesyen Lestari Yang Pertama buat negara.

Pembudayaan gaya hidup hijau bermaksud penerapan nilai gaya hidup yang dapat mengurangkan jejak karbon dan kesan negatif serta meningkatkan daya tahan bumi dan kehidupan didalamnya. Ia adalah merupakan hala tuju yang ingin dicapai oleh negara melalui MGTC selaku agensi KASA yang bertanggungjawab dalam pembangunan teknologi hijau dan mitagasi perubahan iklim.

Shamsul Bahar Mohd Nor, Ketua Pegawai Eksekutif MGTC, berkata, “Jaringan fesyen MGTC X HATTA DOLMAT adalah dibawah inisiatif “Udara Bersih Hak Kita” bermotifkan hutan yang menampilkan tudung dan topeng muka dengan menggunakan 100% sisa buangan plastik yang diproses menjadi fabrik atau lebih dikenali dengan Recycled Polyethylene Terephthalate.

Menurut Hatta Dolmat, beliau menjalankan inisiatif kelestarian secara berperingkat bagi mengurangkan sisa buangan tekstil dan penggunaan fabrik berasaskan bahan yang mampu merosakkan alam. Sebanyak 7 hingga 8 botol plastik digunakan untuk dikitar semula kepada fabrik bagi menghasilkan koleksi eksklusif tudung dan topeng muka yang direka oleh beliau sendiri bagi melambangkan kolaborasi bersama MGTC.

Pelancaran MGTC X HATTA DOLMAT bertujuan meningkatkan kesedaran pereka fesyen tempatan dalam memelopori trend terkini seiring dengan usaha pemeliharaan alam sekitar yang secara tidak langsung memupuk kesedaran masyarakat dalam aktiviti kitar semula yang membuka peluang yang bermanfaat dan menguntungkan. Sebanyak 100 helai tudung dan topeng muka telah dihasilkan dibawah MGTC X HATTA DOLMAT yang dibuka untuk jualan kepada umum melalui media sosial rasmi MGTC sejourus selesainya majlis pelancaran.

**-TAMAT-**

## **Mengenai kami**

---

*Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (MGTC)* adalah agensi Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) yang diberi mandat bagi memacu negara di dalam skop Pertumbuhan Hijau, Mitigasi Perubahan Iklim dan Membudaya Gaya Hidup Hijau. Peranan utama MGTC sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi hijau adalah berpandukan Dasar Teknologi Hijau Negara (NGTP), Dasar Perubahan Iklim Negara (NCCP) dan Pelan Induk Teknologi Hijau (GTMP). MGTC melaksanakan inisiatif dan program yang memberikan perincian khusus dalam mencapai impak jangka panjang kepada *Nationally Determined Contribution (NDC)* untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah kaca sebanyak 45% berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding intensiti pelepasan pada tahun 2005 menjelang 2030, meningkatkan kadar KDNK daripada teknologi hijau sebanyak RM100 Billion dan penjanaan sebanyak 230,000 peluang pekerjaan hijau.

### **Perhubungan Media**

Intan Syazwani Isa  
Head of Corporate Communications  
MGTC  
012-7023110  
comms@mgtc.gov.my